

ABSTRAK

Kajian ini merupakan kajian tentang gaya bahasa penafian dalam bahasa Arab. Penulis merasa terpanggil untuk mendalami kajian ke atas gaya bahasa ini dengan tujuan untuk memperkenalkan dan memberikan kefahaman yang tepat dan betul dalam membina ayat penafian dalam penulisan mahupun percakapan. Pemilihan tajuk “Analisis Sintaksis Gaya Bahasa Penafian Dalam Surah Al-An‘a:m” bertujuan memperkenalkan kaedah-kaedah gaya bahasa penafian serta menjelaskan bukti-bukti penggunaan gaya bahasa ini yang betul melalui penganalisan surah al-An‘a:m dari sudut sintaksis. Terdapat 81 ayat dari 165 ayat surah ini menggunakan gaya bahasa penafian. Daripada 81 ayat itu, huruf nafi telah digunakan sebanyak 126 kali. Penggunaan huruf ﻻ telah mendominasi pembentukan ayat nafi iaitu sebanyak 51 peratus diikuti oleh huruf ﻻ sebanyak 32 peratus. Gaya bahasa penafian yang kerap ditemui ialah gaya bahasa dalam bentuk penafian kata kerja kala kini. Faktor ini disebabkan oleh pengkisahan dan periwayatan yang merujuk kepada peristiwa semasa. Lain-lain huruf nafi yang digunakan adalah merujuk kepada sebab dan motif ia digunakan, selain faktor masa dan situasi pendengar di samping faktor bentuk binaan ayat nafi. Gaya bahasa penafian dalam surah turut digunakan dalam hal-hal untuk menunjukkan kekuasaan Allah, memberikan peringatan, amaran dan penegasan, menyatakan celaan dan penghinaan, menjelaskan kekaburan serta perbezaan, dan sebagainya. Penggunaan gaya bahasa penafian dalam surah ini juga dapat menimbulkan kesan yang mendalam ke atas sanubari dan keinsafan terhadap Pencipta Yang Maha Agung.

ABSTRACT

This study is a study of a style in Arabic language which is used for the purpose of stating denials and refusals. The author feels obliged to delve deeper into the study of this particular linguistic style for the purpose of introducing and providing comprehension accuracy when constructing negative sentences in both writing and speaking. The chosen title; “Syntaxis Analysis In Negation Language Style Of The Al-An‘a:m Sura” is aimed at introducing the various styles of expressing denials and refusals and to provide textual evidences of correct usages of the language style through the syntaxis analysis of the Al-An‘a:m sura. Of the 165 verses, 81 verses utilize this language style. Of those 81 verses, there are 126 occurrences where utilization of negative particle. Here the “ﻻ” particle dominates, constituting 51%, followed by the “ﻻ” particle constituting 32%. This particular language style that frequently surfaces is in the present tenses. This is due to the fact that the narrations and the descriptions refer to the present events. Other denial and refusal particles used refer to reasons and motives of why they are used other than the time it surfaces and the audiences it is targeted to as well as the particular structure of negative sentences construction. The delivery of this language style as used in the verse is also aimed at demonstrating the greatness of God, to provide reminders, warnings and emphasis, to state reproaches and contempts, to explain ambiguity and differences and etc. The use of this particular language style thus evoke profound effects on the hearts and souls of humans towards the Creator, the Almighty.